



SKIMPAS

# LAPORAN TAHUNAN 2025

SKIMPAS.COM 

# RM6.23 JUTA TELAH DIBAYAR KEPADA 941 PENERIMA MANFAAT





Duta Skimpas

YB Baddrol Bakhtiar

# Anda ahli PAS atau DHPP?

Tapi belum daftar  
SkimPAS.

Jom daftar sekarang!

Imbas QR  
Code untuk  
pendaftaran



011-5897 0700 (Hotline)

# Isi Kandungan

1	Visi & Misi .....	01
2	Kata Aluan Presiden PAS .....	03
3	Kata Aluan Pengerusi LKKSP .....	05
4	Kata Aluan Pengurus Besar .....	07
5	Objektif SkimPAS .....	09
6	Struktur Organisasi SkimPAS .....	10
7	Ahli Lembaga Pengarah SkimPAS .....	11
8	Ahli Jawatankuasa Pengurusan SkimPAS .....	12
9	Penyelaras Perunding Negeri .....	13
10	Bilangan Peserta & Perunding Negeri .....	14

...

# Isi Kandungan

11	Statistik Pencapaian Setiap Negeri (2018 - Ogos 2025) .....	15
12	Komisen Negeri (2018 - Jun 2024) .....	16
13	Statistik Peserta Negeri Bagi Tahun 2025 (Setakat Ogos 2025) .....	17
14	Komisen Kawasan (2018 - Mac 2025) .....	19
15	Tuntutan Manfaat .....	20
16	Penerimaan Infak Kawasan .....	21
17	Aktiviti / Program .....	22
18	Penghargaan .....	29

...

## VISI

**MENSASARKAN 20% AHLI PAS MENDAPAT  
PERLINDUNGAN KEBAJIKAN MELALUI SKIMPAS  
DEMI MEMPERKUKUH UKHUWAH DAN KESEJAHTERAAN  
MENJELANG 2030**

## MISI

- Memacu Ahli PAS untuk mengamalkan budaya infak fi sabilillah melalui penyertaan SkimPAS demi membantu Ahli dan Keluarga Ahli yang ditimpa musibah
- Membangunkan sistem SkimPAS yang professional, efisien dan berdaya saing ;
- Melahir dan memperkasakan perunding SkimPAS yang kompeten, berintegriti serta komited dalam memberikan perkhidmatan cemerlang.
- Memastikan keutuhan dan kelestarian dana SkimPAS demi manfaat berterusan kepada ahli.



## Kata Aluan Presiden PAS

YB Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru  
Haji Abdul Hadi Awang

الحمد لله الذي أكرمنا بنعمة الإسلام وفضلنا على كثيرون من الأمم.أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قادر، وأشهد أن محمدا عبد الله ورسوله البدر الدجى والسراج المنير. والصلوة والسلام على رسول الله، وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره ووالاه.

Sumbangan SKIMPAS ini merupakan salah satu daripada sumbangan fi sabilillah. Sumbangan ini mampu mengeratkan hubungan ukhuwah terutama dalam kalangan ahli Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Sumbangan ini juga salah satu aktiviti kebajikan yang boleh menarik dan merapatkan orang kepada Islam.

Sumbangan fi sabilillah sahaja Allah menggandakan dengan 700 kali ganda, sebagaimana firman-Nya:

مَّنْ كُلَّ الَّذِينَ يُفْقِدُونَ أَهْوَلَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَتَبَتَّ سَبَعَ سَبَاعِلَ فِي كُلِّ سُبْعَةٍ مِّائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِعٌ عَلِيمٌ  
}٢٦١{

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.” [Surah al-Baqarah: 261]

Oleh kerana itu, kita mesti menyokong dan mendukung aktiviti ini, salah satu daripada aktiviti parti kita yang menjalankan kerja kebajikan bukan sahaja dalam lapangan politik termasuk lapangan kebajikan yang menjadi salah satu mata rantai dakwah, politik dan ekonomi.

Adalah penting bagi seluruh ahli PAS mendukung rancangan seperti ini.



# **Kata Aluan Pengerusi Lajnah Kebajikan & Keprihatinan Sosial PAS Pusat**

**Dr Rosni Adam**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan hidayahNYA, saya diberi ruang dan peluang sekali lagi untuk membicarakan kata alu-aluan di dalam buku laporan tahunan Skim Kifalah Ahli PAS (SkimPAS) bagi sesi 2024/2025 ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa SkimPAS dan Perunding SkimPAS (PSK) yang diterajui oleh Pengurus Besar SkimPAS, Haji Abdul Razak kerana telah berjaya mengumpul dan mencarumkan seramai 20 000 ahli PAS di seluruh pelusuk negara sehingga Ogos 2025. Tahniah juga kepada negeri Johor kerana terus mengekalkan kedudukannya sebagai satu-satunya negeri yang berjaya mencapai sasaran tahap 2.

Menggunakan kaedah saling bantu serta saling berbakti, SkimPAS merupakan salah satu kaedah yang diperkenal oleh parti untuk kita saling tolong-menolong antara satu sama lain. Ia merupakan satu-satunya skim kifalah khusus untuk ahli PAS & Dewan Himpunan Pengyokong PAS (DHPP). Dengan caruman RM55 setahun membolehkan ahli mendapat perlindungan apabila berlaku sebarang musibah dan kecelakaan termasuk kecacatan kekal.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2018, pihak SkimPAS telah membelanjakan kira-kira RM6.23 Juta bagi melaksanakan kebajikan kepada lebih 900 keluarga ahli PAS yang ditimpa kemalangan. Ini membuktikan PAS sangat komited menjaga ahlinya dan berusaha menambah baik kebajikan buat semua ahli termasuk kalangan DHPP.

Antara manfaat yang diterima oleh pencarum SkimPAS ialah:

Manfaat kematian dan manfaat keilatan kekal sebanyak RM10 000 bagi yang berusia 15 tahun hingga 65 tahun. Manakala bagi yang berusia 65 tahun ke atas akan menerima sebanyak RM1000. Selain itu, manfaat kemalangan juga turut disediakan. InsyaAllah SkimPAS mampu mencapai sasaran 35 000 orang pencarum sehingga akhir Disember 2025.

Saya akhiri dengan sepotong hadis

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَةِ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَبَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Barangsiapa yang melapangkan kesulitan seorang Muslim, niscaya Allah akan melapangkan kesulitannya di hari Kiamat  
(Hadis riwayat Bukhari)

Jazakumullah kahiran jaza' buat semua.  
Siiru 'ala barakatillah.



## Kata Aluan Pengurus Besar

**Hj Abdul Razak Mohamed**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, usia SkimPAS telah menjangkau 7 tahun sejak penjenamaan semula yang dilaksanakan pada tahun 2018 di bawah kepimpinan Dr Rosni Adam, Pengerusi Lajnah Kebajikan & Keprihatinan Sosial PAS Pusat.

Sehingga kini SkimPAS telah membayar manfaat kematian, keilatan kekal dan kemalangan sebanyak RM6.23 juta kepada lebih 941 orang ahli PAS dan Penerima Manfaat dari kalangan keluarga ahli Pas seluruh negara. Ini merupakan satu kejayaan besar LKKSPP khasnya dan PAS Pusat amnya di dalam usaha menjaga kebajikan ahli walaupun jumlah penyertaan ahli di dalam SkimPAS masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan.

Saya menganggarkan menjelang tahun 2026, SkimPAS dapat mendaftarkan seramai 50,000 orang ahli dan meningkat kepada 70,000 orang ahli setahun berikutnya. Di dalam tempoh 5 tahun, iaitu menjelang tahun 2030 saya menasarkan seramai 200,000 orang ahli Pas sudah menyertai SkimPAS, insya-Allah.

Sebaik sahaja sasaran ini tercapai, SkimPAS akan dapat membantu LKKSPP melebarkan lagi manfaat kepada ahli merentasi manfaat yang sedia ada seperti bantuan bencana alam, bantuan persekolahan anak-anak ahli, bantuan pendidikan tinggi anak-anak ahli, bantuan dana untuk program kebajikan di peringkat cawangan dan kawasan, dan banyak lagi manfaat yang telah dirancang demi untuk mencapai Visi LKKSPP.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh pasukan pengurusan SkimPAS, Perunding-perunding SkimPAS di seluruh negara, Pengerusi LKKSP Negeri-Negeri, Ahli Panel Syariah, pasukan IT dan pimpinan PAS di semua peringkat yang telah banyak membantu SkimPAS. Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan malah dipertingkatkan agar kita sama-sama beroleh kejayaan.

Kejayaan ini adalah milik bersama!

‘Kebajikan Ahli, Keprihatinan Kami’

## Objektif SkimPAS

### **INFAK FISABILILLAH**

Demi mencapai fadilat yang dijanjikan oleh Allah

### **MENGERATKAN UKHUWAH**

Mengeratkan hubungan sesama ahli

### **KEMPEN AHLI PAS**

Usaha sama bagi menambah keahlian PAS


### **KEBAJIKAN AHLI**

Sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan & sokongan ahli PAS

### **MENGUMPUL DANA**

Membantu operasi dan agenda dalam aktiviti kebajikan yang boleh menarik orang kepada Islam

# Struktur Organisasi SkimPAS



## AHLI LEMBAGA PENGARAH SKIMPAS



**DR ROSNI ADAM**  
Pengerusi ALP



## AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN




Atas (dari kiri) : Hj Abdul Razak (Pengurus Besar), Mohd Sharbi (Pengurus Operasi & Pentadbiran), Zamadi Omar (Unit Latihan & Pengembangan PSK)  
Tengah (dari kiri) : Al-Hafiz Najmudin (Unit Kewangan), Wan Mohd Hanif (Unit Tuntutan), Sahaini (Unit IT & Teknikal), Muhamad Firdaus (Unit Media)  
Bawah (dari kiri) : Rokiah ( Unit Pendaftaran), Amiratul Huda (Unit Media)

## PENYELARAS PERUNDING NEGERI

BIL	NEGERI	NAMA PERUNDING
01	PERLIS	YB ASRUL AIMRAN ABDUL JALIL
02	KEDAH	MUHAMAD RIADZUDDIN MUSA
03	PULAU PINANG	MOHD ZAMADI OMAR
04	PERAK	ABDUL HALIM ABU HASSAN
05	WILAYAH PERSEKUTUAN	MUHAMMAD NUR HADI SAHNON
06	SELANGOR	NOOR HANIM ISMAIL
07	NEGERI SEMBILAN	FAKHRRURRAZI MOHAMAD YUSOFF
08	MELAKA	KAMILA AB AZIZ
09	JOHOR	MAT YASSIM MAHMOOD
10	PAHANG	ROHAYA RAZALI
11	TERENGGANU	WAN MOHD FAISAL WAN ABDULLAH
12	KELANTAN	MOHD KHAIRUDDIN ISMAIL
13	SABAH	SITI NUDRA SYAFIDAH MOHD YUSOF
14	SARAWAK	ABG ABDUL RAINI ABG ABDULLAH

## BILANGAN PESERTA DAN PERUNDING NEGERI



# STATISTIK PENCAPAIAN NEGERI TAHUN 2025

## Negeri Capaian

SASARAN  
5%  
SASARAN  
10%



## Negeri Capaian

SASARAN  
5%  
SASARAN  
10%



\*Jan sehingga Ogos 2025

## KOMISEN NEGERI

RM1 Setiap Pencarum

1	Kedah	RM 28,239	9	Wilayah Persekutuan	RM 4,763
2	Selangor	RM 22,854	10	Sabah	RM 1,841
3	Perak	RM 19,919	11	Kelantan	RM 14,107
4	Terengganu	RM 17,361	12	Negeri Sembilan	RM 2,630
5	Pahang	RM 15,523	13	Perlis	RM 1,536
6	Johor	RM 11,164	14	Pusat	RM 2,152
7	Pulau Pinang	RM 10,345	15	Sarawak	RM 353
8	Melaka	RM 5,717	<b>JUMLAH</b>		<b>RM 158,504</b>

\*2018 sehingga Ogos 2025

## STATISTIK PESERTA SETIAP NEGERI

TAHUN/ NEGERI	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (setakat Ogos)
KEDAH	1,246	2,356	3,071	3,735	4,342	4,637	4,738	4,114
SELANGOR	489	2,339	2,963	3,044	3,702	3,201	4,031	3,085
PERAK	898	1,919	2,630	3,036	3,188	2,744	2,820	2,684
TERENGGANU	100	908	1,992	2,858	2,464	2,543	3,745	2,751
PAHANG	241	1,469	2,296	2,636	2,597	2,111	2,318	1,855
JOHOR	817	854	1,180	1,520	1,605	1,677	1,883	1,628
PULAU PINANG	335	1,120	1,297	1,474	1,552	1,516	1,594	1,457
MELAKA	191	712	808	808	864	786	876	672

\*2018 sehingga Ogos 2025

## STATISTIK PESERTA SETIAP NEGERI

TAHUN/ NEGERI	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (setakat Ogos)
W. PERSEKUTUAN	547	421	565	626	648	648	676	632
SABAH	64	97	127	172	378	340	377	286
KELANTAN	11,100	290	353	508	476	382	596	402
N. SEMBILAN	98	324	438	435	445	298	303	289
PERLIS	9	24	161	235	211	208	209	479
PUSAT	71	162	324	375	452	350	274	144
SARAWAK	28	70	81	51	31	23	46	23
<b>JUMLAH</b>	<b>16,234</b>	<b>13,065</b>	<b>18,286</b>	<b>21,513</b>	<b>22,955</b>	<b>21,464</b>	<b>24,486</b>	<b>20,501</b>

\*2018 sehingga Ogos 2025

## KOMISEN KAWASAN

RM1.50 Setiap Pencarum

### 10 Kawasan Tertinggi

\*2018 sehingga Ogos 2025

**1** KEMAMAN  
RM10,030.50

**2** BUKIT GANTANG  
RM7,303.50

**3** SUNGAI PETANI  
RM5,910.00

**4** KUALA TERENGGANU  
RM5,443.50

**5** INDERA MAHKOTA  
RM5,257.50

**6** SIK  
RM5,206.50

**7** HULU SELANGOR  
RM4,837.50

**8** KUBANG PASU  
RM4,684.50

**9** BUKIT MERTAJAM  
RM4,066.50

**10** POKOK SENA  
RM3,985.50



## TUNTUTAN MANFAAT

JENIS TUNTUTAN	BILANGAN KES TUNTUTAN	NILAI TUNTUTAN (RM)
KEMATIAN (RM10K)	585	5,850,000.00
KEMATIAN (RM1K)	264	264,000.00
HILANG UPAYA KEKAL (RM10K)	8	80,000.00
HILANG UPAYA KEKAL (RM1K)	1	1,000.00
KEMALANGAN	83	39,814.40
<b>JUMLAH</b>	<b>941</b>	<b>6,234,814.40</b>

\*2018 sehingga Mac 2025

## PENERIMAAN INFAQ KAWASAN

### 10 Kawasan Tertinggi

\*Peserta menginfakkan sebahagian daripada manfaat yang diterima kepada PAS Kawasan (2018-Mac 2025)

**1** KEMAMAN  
RM27,500.00

**2** SIK  
RM17,500.00

**3** KUBANG PASU  
RM9,750.00

**4** MERSING  
RM9,500.00

**5** SUNGAI PETANI  
RM8,500.00

**6** POKOK SENA  
RM5,000.00

**7** INDERA MAHKOTA  
RM5,000.00

**8** BUKIT MERTAJAM  
RM5,000.00

**9** BENTONG  
RM4,750.00

**10** MARAN  
RM4,500.00



# AKTIVITI DAN PROGRAM SKIMPAS















# SEKALUNG PENGHARGAAN

DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' MOHD AMAR NIK ABDULLAH

HJ SUHAIMI

HJ ISHAK OMAR

PASTI ANNUR HIDAYAH PANTAI PERMAI

ROSNANI AB TALIB



# Media Sosial SkimPAS



## Hubungi kami

-  011-5897 0700 (Hotline)
-  [skimpas.com](http://skimpas.com)
-  [pejabat@skimpas.com](mailto:pejabat@skimpas.com)
-  IBU PEJABAT SKIM KIFALAH AHLI PAS (SKIMPAS),  
Lajnah Kebajikan dan  
Keprihatinan Sosial PAS Pusat,  
Aras G, 318-A, Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.



31.

# Jom jadi Perunding SkimPAS

Imbas QR Code di bawah



011-3814 6987 (En Zamadi)

# Jom Perbaharui SkimPAS

Imbas QR Code di bawah



011-5897 0700 (Hotline)

“  
Sumbangan SkimPAS adalah salah satu  
dari infaq fi sabillah, mengeratkan  
ukhuwah dalam jemaah  
dan aktiviti kebajikan yang boleh menarik  
orang lebih dekat dengan Islam.”



**SKIMPAS**

**SKIM KIFALAH AHLI PAS**

318-A, Jln Raja Laut, Chow Kit, 50350 Wilayah Persekutuan, Federal Territory  
of Kuala Lumpur